

21 NOV 1998

Tajuddin-Gangguan

TIADA UNSUR SABOTAJ DALAM GANGGUAN ELEKTRIK RABU LEPAS

ALOR GAJAH, 21 Nov (Bernama) -- Tenaga Nasional Berhad (TNB) menolak kemungkinan perbuatan sabotaj di sebalik gangguan bekalan elektrik di sesetengah negeri di Semenanjung pada Rabu lepas, kata Pengerusi Eksekutifnya Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali.

"Berdasarkan rujukan pada sistem grid kebangsaan sewaktu ia berlaku kita pada masa ini percaya gangguan itu disebabkan oleh elemen semulajadi," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah perkhidmatan setia dan persaraan kakitangan TNB Zon Selatan, di sini, hari ini.

Dalam kejadian pada Rabu lepas (18 Nov) bekalan elektrik terputus di kebanyakan negeri di Semenanjung bermula 1.10 petang tetapi dapat dipulihkan sepenuhnya pada 4.15 petang.

Gangguan itu menimbulkan spekulasi yang ia disebabkan oleh unsur sabotaj untuk mengganggu Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang berlangsung di ibu negara dari 11 Nov hingga 18 Nov.

Ia bermula apabila sistem penghantaran melibatkan talian 275 KV antara Batu Gajah dan Kuala Lumpur Utara mengalami gangguan yang seterusnya menyebabkan Pencawang Masuk Utama (PMU) TNB di sekitar kawasan Slim River, Perak mengalami sedikit gangguan dan kerosakan sehingga sistem terpelantik.

Daripada situ gangguan telah dikesan di seluruh sistem dan bagi memastikan keutuhan sistem secara sistematik dan automatik pelucutan beban di kawasan tertentu telah dilakukan antaranya Melaka yang menyebabkan gangguan bekalan di tempat-tempat itu, katanya.

Melaka adalah negeri yang teruk terjejas dengan 90 peratus bekalannya terputus sewaktu gangguan berlaku, di Kedah, Pahang, Kelantan, Terengganu, 15 peratus bekalan terputus dan Johor, 30 peratus.

Tetapi Perlis, Langkawi dan Pulau Pinang (melainkan Seberang Prai) tidak mengalami gangguan bekalan elektrik manakala Perak hanya lima peratus negeri itu terjejas.

"Bagaimanapun bekalan elektrik dapat dikembalikan sepenuhnya pada 4.15 petang," katanya.

Kuasa bekalan elektrik terputus sewaktu berlaku gangguan ialah sebanyak 2,700 megawatt berbanding 2,300 megawatt pada kejadian gangguan bekalan di seluruh negara sebelum ini pada 3 Ogos 1996.

"Walaupun gangguan itu lebih besar kali ini, namun TNB dapat mempertahankan keutuhan sistem menerusi pelucutan beban secara automatik dan ia dapat dipulihkan sepenuhnya dalam masa tiga jam berbanding 16 jam pada gangguan 1996," katanya.

Beliau berkata satu pasukan penyiasat telah ditubuhkan untuk mengenal pasti punca gangguan itu dan telah menyerahkan laporan pertama mereka.

"Saya telah memaklumkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berdasarkan laporan itu," dan menambah kata beliau fikir Dr Mahathir memahami punca kerosakan itu.

-- BERNAMA

NO PR